



Ruj : JANM.BPPP.500-5/1/4 (15)
Tarikh : 28 Oktober 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PEMBATALAN PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK) ANJURAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) BAGI TAHUN 2021


Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, situasi pandemik Covid-19 menunjukkan terdapat *trend* jangkitan di seluruh negara dan beberapa negeri masih belum beralih ke Fasa 4 bagi Pelan Pemulihan Negara.
3. Selaras dengan itu, pihak Pengurusan Tertinggi JANM telah bersetuju untuk **membatalkan** Peperiksaan BITK yang telah ditangguhkan pada 28 Mei 2021 sebagai langkah keselamatan bagi mengelakkan risiko jangkitan.
4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amatlah diharapkan agar dapat memaklumkan perkara ini kepada semua calon di agensi seliaan kementerian atau jabatan YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Calon perlu membuat permohonan baharu melalui portal JANM untuk peperiksaan tahun 2022 dan permohonan bagi peperiksaan tahun 2021 adalah terbatal.

5. Sebarang pertanyaan berhubung peperiksaan JANM boleh dikemukakan terus kepada Urus Setia Peperiksaan JANM di talian 03-8882 1183/ 1197/ 1185 atau melalui e-mel di alamat *urus_pep@anm.gov.my*.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"



(SADIKIN BIN ATON c.A.(M))

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

- s.k:
- i. Semua Pengarah Bahagian JANM
 - ii. Semua Pengarah Negeri/Cawangan JANM
 - iii. Fail Timbul